


Cara Pengambilan Ubat Sublingual Glyceryl Trinitrate

Apakah Tablet Sublingual Glyceryl Trinitrate?

Sublingual Glyceryl Trinitrate (GTN) merupakan ubat yang digunakan untuk melegakan sakit dada (angina) bagi pesakit yang mengalami masalah jantung tertentu. Sakit dada berlaku apabila otot jantung tidak mendapat bekalan darah yang mencukupi.



Bagaimana ubat ini bertindak?

Ubat ini bertindak dengan membantu mengembangkan saluran darah supaya peredaran darah lebih lancar ke jantung.

Bila ubat ini perlu diambil?

- Apabila anda mengalami sakit dada.
- Sebagai pencegahan sebelum menjalankan aktiviti fizikal yang boleh menyebabkan sakit dada seperti aktiviti senaman atau seksual.

Bagaimana ubat ini diambil?

Apabila mengalami sakit dada:

- Berhenti melakukan sebarang kerja, duduk dan bertenang.
- Letakkan sebiji di bawah lidah dan tunggu selama 5 minit.
- Jika kesakitan masih tidak reda letak sebiji lagi dan tunggu selama 5 minit.
- Jika kesakitan belum reda letak sebiji lagi.
- Sekiranya anda telah mengambil 3 biji dan sakit dada masih berlanjut, segera dapatkan rawatan doktor.



Untuk mencegah sakit dada:

Letakkan sebiji ubat di bawah lidah 5 minit sebelum memulakan aktiviti fizikal.



Apakah kesan sampingan yang mungkin dialami?

- Ubat ini mungkin menyebabkan anda terasa pening ketika berdiri. Bangun secara perlahan sekiranya anda sedang duduk atau berbaring bagi mengurangkan kesan tersebut.
- Sakit kepala, loya, muntah, pitam, susah bernafas, berdebar-debar, degupan jantung laju atau tidak sekata.



Segera berjumpa doktor sekiranya kesan sampingan tersebut berlarutan

Interaksi Ubat:

- Ubat GTN tidak boleh diambil bersama ubat bagi rawatan mati pucuk seperti sildenafil dan tadalafil kerana boleh menyebabkan kesan advers yang serius.
- Jangan ambil alkohol semasa rawatan dengan ubat ini.